

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 5 NOVEMBER 2014 (RABU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Masyarakat tak hargai hasil ciptaan sendiri	Berita Harian
2	RM100 juta perkasa firma teknologi	Berita Harian
3	Sedia dana RM100 juta	Harian Metro
4	Axiata lancar dana ADIF	Kosmo
5	RM100j bantu syarikat digital	Utusan Malaysia
6	Bumiputra companies should take advantage of digital fund	The Malay Mail
7	Axiata, Mavcap setting up RM100mil venture fund	The Star
8	Axiata partners Mavcap to set up RM100 million innovation fund	The Sun
9	Puting beliung cetus misteri	Harian Metro
10	Uji bunyi sistem siren tsunami	Sinar Harian
11	Anwar tidak kemuka saksi alibi	Sinar Harian
12	Anwar could have tested own DNA	The Star
13	Anwar patut jalani ujian DNA buktikan profil 'lelaki Y' bukan miliknya - Pendakwaan	Bernamea.com
14	2014 World Space Week at the Planetarium from November 8	New Straits Times Online
15	BN Sabah gerakkan kembali jawatankuasa penubuhan RCI	Bernamea.com

Masyarakat tak hargai hasil ciptaan sendiri

Kepelbagaian kaum dan budaya di negara ini menjadikan Malaysia negara yang istimewa dan mampu menjadi pusat rekaan di rantau ini.

Budaya Melayu, India dan Cina, sama ada digabungkan atau berdiri dengan sendiri mempunyai nilai tersendiri dalam penghasilan rekaan yang boleh menaikkan nama negara dan diminati segenap lapisan masyarakat tidak kira tempatan atau luar negara.

Bagaimanapun, bidang rekaan tempatan dilihat seolah-olah malap apabila masyarakat lebih gemar dan percaya kepada rekaan dihasilkan pereka luar negara walaupun ada rekaan dari negara luar yang murah, tetapi tidak berkualiti tetap menjadi pilihan.

Festival Reka Bentuk Malaysia

Menyedari hakikat ini, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi Majlis Reka Bentuk Malaysia (MRM) menganjurkan Festival Reka Bentuk Malaysia (MADE 2014) pada September lalu, yang diadakan julung kali bagi mengumpul lima persatuan yang mewakili lebih 15,000 ahli itu.

Lima persatuan itu adalah Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM), Pertubuhan Perrekabentuk Dalaman Malaysia (MIID), Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM), Pertubuhan Wakaf Reka Grafik Malaysia (WREGA) dan Persatuan Pereka Perindustrian Malaysia (PEREKA).

Pengerusi Majlis Reka bentuk Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Prof Datuk Dr Ahmad Zainuddin (**gambar**), berkata kerajaan mahu menjadikan Malaysia sebagai hab bagi industri reka bentuk berikutan keunikan negara yang penuh dengan kepelbagaian budaya dan bangsa.

"Kita mahu menjadikan Malaysia sebagai pusat (*melting pot*) yang mana pelanggan tidak lagi perlu ke negara lain kerana semua ada di sini.

"Kepelbagaian budaya dan adat menjadikan hasil rekaan dari negara ini menepati kehendak pelanggan luar negara. Misalnya, ada orang Amerika yang datang ke Malaysia untuk mendapatkan rekaan bagi pasaran di negara China, Malangnya, pelanggan tempatan tidak menghargai hasil anak tempatan," katanya.

Kepentingan industri reka bentuk

Beliau berkata, industri reka bentuk ini sama pentingnya dengan industri teknologi lain. Tanpa rekaan yang menarik dan selesa tentunya apa sahaja teknologi sukar untuk dipasarkan.

"Industri automotif, contohnya, pereka memainkan peranan penting dalam menghasilkan kenderaan menarik serta selesa. Pelanggan pula, tentunya luaran dan dalaman kenderaan yang menjadi pilihan utama sebelum beralih kepada enjinnya," katanya.

Beliau berkata MADE 2014 bertujuan mengubah sedikit sebanyak persepsi masyarakat mengenai rekaan oleh pereka tempatan yang setanding dengan rekaan luar negara.

"Kita mahu supaya masyarakat tempatan memberi peluang kepada pereka tempatan kerana ia bukan sahaja dapat membantu industri rekaan negara, sekali gus dapat melonjakkan ekonomi negara," katanya.

Menerusi MADE 2104, orang ramai dan pihak industri boleh melihat secara dekat pameran, demonstrasi, reka bentuk produk dan projek eksperimen yang dikemukakan lima persatuan itu.

Pihak MRM turut menganjurkan perkongsian ilmu dan pengalaman menerusi bengkel dan ceramah berhubung beberapa isu menerusi festival yang berlangsung selama dua hari itu.



RM100 juta perkasa firma teknologi

» MAVCAP wujud Dana ADIF rangsang ekosistem digital

Oleh Shahrizan Salian
shahrizan_salian@bh.com.my

Axiata Group Bhd dan Malaysia Venture Capital Management Bhd (MAVCAP) mewujudkan Dana Inovasi Digital Axiata (ADIF) bernilai RM100 juta untuk disalurkan kepada syarikat teknologi tempatan, dengan 70 peratus diperuntukkan kepada syarikat Bumiputera.

Dana modal teroka digital korporat yang terbesar pernah dibentuk itu bermatlamat menggalak dan merangsang inovasi serta pertumbuhan ekosistem digital di Malaysia.

Bagi fasa pertama, Axiata

dan MAVCAP masing-masing menyuntik RM50 juta dan RM20 juta ke dalam dana berkenaan, manakala fasa kedua menyaksikan baki RM30 juta lagi akan dijana oleh pelabur prinsipal lain yang sedang dikenal pasti.

Dibuka kepada syarikat Malaysia

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Axiata, Datuk Seri Jamaludin Ibrahim (**gambar**), berkata pembentukan ADIF adalah sebahagian daripada agenda memperkasakan ekonomi Bumiputera dengan membabitkan penyertaan syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

"Kami menyasar memperuntukkan sehingga 70 peratus ADIF kepada syarikat Bumiputera dan selebihnya dibuka kepada syarikat Malaysia yang lain," katanya kepada pemberita selepas memeterai perjanjian pembentukan dana itu di Kuala Lumpur, semalam.

Beliau memeterai perjanji-

an itu bagi pihak Axiata, manakala MAVCAP diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Jamaludin Bujang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak hadir menyaksikan perjanjian itu.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar; Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek serta Pengarah Urusan Khazanah Nasional Bhd merangkap Pengerusi Axiata, Tan Sri Azman Mokhtar.

ADIF dibuka kepada syarikat teknologi tempatan yang berada pada peringkat awal pertumbuhan dan memerlukan sokongan untuk meningkatkan skala produk serta pasaran.

Syarikat berkenaan mestilah terbabit dalam bidang perkhidmatan digital dalam sektor seperti perdagangan, kesihatan, pengiklanan, Internet, perkhidmatan kewangan dan yang berkaitan.



Permohonan syarikat Bumiputera pula mestilah membabitkan syarikat dengan pemegang saham sekurang-kurangnya 51 peratus daripada kaum berkenaan.

Mengulas lanjut, Jamaludin Ibrahim berkata ADIF menyasar untuk mewujudkan lima hingga 10 peneraju utama serantau dalam perkhidmatan digital menjelang 2020.

Menerusi program berkenaan, beliau berkata, pihaknya berhasrat membimbing tenaga kerja, bagi membolehkan mereka berkembang dengan lebih besar dan pantas.

"Ini sejajar dengan matlamat Axiata untuk 'Berkembang ke Asia' menerusi hubungan, teknologi dan tenaga kerja. Kami juga menyasar membawa perubahan sebenar kepada kehidupan rakyat dan membantu mentransformasikan ekonomi negara di mana kami beroperasi," katanya.

Sedia dana RM100 juta

■ AXIATA, MAVCAP galak inovasi, pertumbuhan ekosistem digital negara

Oleh Sofyan Rizal Ishak
sofyan.rizal@mediapri-
ma.com.my
Kuala Lumpur

Axiata Group Berhad (AXIATA) dan Malaysia Venture Capital Management Berhad (MAVCAP) menubuhkan dana modal teroka bernilai RM100 juta dikenali Axiata Digital Innovation Fund (ADIF) bertujuan menggalakkan inovasi serta pertumbuhan ekosistem digital Malaysia.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan AXIATA, Datuk Seri Jamaludin Ibrahim berkata, pihaknya dijangka memperuntukkan sejumlah RM50 juta ke dalam dana terbabit manakala MAVCAP menyalurkan RM20 juta untuk fasa pertama dengan baki selebihnya diraih daripada pelabur utama lain.

"Dana ini akan membantu syarikat teknologi tempatan terutama dalam kalangan Bumiputera dengan sasaran sebanyak 70 peratus untuk syarikat Bumiputera dengan pegangan saham Bumiputera minimum 51 peratus manakala 30 peratus lagi untuk warga



NAJIB menyaksikan pertukaran dokumen perjanjian antara Jamaludin Ibrahim (dua dari kanan) dan Jamaludin Bujang. Turut kelihatan, Ahmad Shabery (kanan) dan Pengerusi Axiata group Berhad, Tan Sri Azman Mokhtar di The Royale Chulan, Kuala Lumpur, semalam.

Malaysia lain," katanya pada majlis menandatangani perjanjian antara AXIATA dan MAVCAP di sini, semalam.

Upacara terbabit disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

Syarikat perniagaan yang layak menerima bantuan ADIF ini terdiri daripada syarikat yang sudah mula

menjana hasil, namun masih memerlukan sokongan dari aspek pembiayaan, pengetahuan dan pencapaian dalam pasaran digital serta memiliki pelan perniagaan ekonomi dan produk boleh dipertingkatkan.

Ketua Pegawai Eksekutif MAVCAP, Jamaludin Bujang berkata, pihaknya menjangkakan dana terbabit mampu membantu kewujudan antara lima hingga 10 peneraju utama dalam per-

niagaan perkhidmatan digital di rantau Asia Tenggara menjelang 2020.

Menurutnya, kewujudan dana itu diharap dapat memberi kesedaran kepada syarikat Malaysia terhadap nilai melabur secara aktif dan membabitkan diri dalam dana modal teroka, sekali gus memastikan mereka kekal kompetitif untuk

"Dana ini akan membantu syarikat teknologi tempatan terutama dalam kalangan Bumiputera"
Jamaludin Ibrahim

menghadapi persaingan ekonomi global terutama daripada syarikat multinasional (MNC) milik asing.

"Dana ini disasarkan untuk dilancarkan menjelang akhir tahun ini dengan pembiayaan maksimum berjumlah RM10 juta dan mampu memberi manfaat kepada antara 10 hingga 15 syarikat," katanya.

FOTO: ABDULLAH YUSOF

